

Kuarantin di rumah perlu ada alat oksimeter

Sinar HARIAN (29/07/2021)

MAIS 07

Untuk elak kes kematian pesakit Covid-19 ketika jalani kuarantin sendiri

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN

SHAH ALAM

Kerajaan dicadang membekalkan alat oksimeter nadi kepada pesakit Covid-19 yang dikuarantin di rumah bagi membolehkan mereka memantau kandungan oksigen dalam darah secara kerap sekali gus mengurangkan kes kematian pesakit ketika menjalani kuarantin sendiri di kediaman masing-masing.

Penganalisis Keselamatan dan Politik, Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi Universiti Teknologi Mara, Dr Noor Nirwandy Mat Noordin berkata, pembekalan alat itu membolehkan pesakit mengesan sama ada mereka mengalami penurunan kadar oksigen yang ketara dan memerlukan rawatan lanjut atau bantuan pernafasan.

Menurutnya, pengagihan tabung oksigen bergerak juga perlu dilakukan kepada pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan oksigen segera.

“Kerjasama hospital swasta dapat mengembalikan tahap oksigen pesakit Covid-19 ke paras normal dan mengelakkan keadaan mereka yang menjalani kuarantin sendiri di rumah menjadi lebih bahaya,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

APA ITU PULSE OXIMETER?

- Alat pengukur kadar oksigen dalam darah yang kini semakin banyak digunakan berikutan komplikasi wabak COVID-19
- Antaranya ialah kandungan oksigen rendah atau 'Happy Hypoxia' yang menjadi pembunuh senyap tidak berjejala
- Hypoxia berpunca daripada pelbagai penyakit terutama paru-paru & jantung
- Ini sekali gus menyebabkan kerosakan otak, paru-paru & organ dalaman badan
- Pengesanan awal kandungan oksigen rendah boleh mengelakkan kematian
- Pastikan alat yang digunakan memenuhi standard perubatan

KADAR OKSIGEN	
• Normal	: 96% - 100%
• Rendah	: 95% ke bawah

KADAR PERNAFASAN	
• Normal	: 12 - 20 nafas seminit
• Pesakit Hypoxia	: 40 - 50 nafas seminit

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan: 20 Julai 2021
Infografik Bernama

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Beliau berkata, unit sokongan yang menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) lengkap terdiri daripada pasukan perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan agensi keselamatan lain boleh diselaraskan secara zon serta sektoral bagi membantu pengagihan oksimeter dan tangki oksigen.

“Pasukan simpanan seperti askar wataniah, sukarelawan polis, bomba dan tenaga sokongan daripada pelajar perubatan kolej



DR NOOR NIRWANDY

swasta dan awam boleh diserap dalam unit ini.

“Mereka akan lakukan pemantauan berkala keadaan pesakit Covid-19 yang dikuarantin secara sendiri di kawasan zon dan sektor masing-masing,”

ujarnya,

Dr Noor Nirwandy menambah, ahli keluarga terdekat pula perlu dibekalkan dengan kit pengujian sendiri dan prosedur operasi standard (SOP) penggunaan oksimeter serta tabung oksigen.

Akhbar sebelum ini melaporkan beberapa kes kematian pesakit Covid-19 yang sedang dikuarantin di rumah.

'Pesakit tak sedar paras oksigen turun bawah 95 peratus'

KUALA LUMPUR - Pesakit Covid-19 kategori satu dan dua dengan gejala ringan yang menjalani kuarantin di rumah perlu sentiasa memantau kadar oksigen dalam darah mereka menggunakan alat oksimeter nadi atau *pulse oximeter* bagi membolehkan mereka mengesan lebih awal komplikasi *happy hypoxia*.

Pakar Mikrobiologi Klinikal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Madya Dr Nurul Azmawati Mohamed berkata, *happy hypoxia* merupakan keadaan kandungan oksigen dalam darah pesakit Covid-19 sudah mulai turun dari paras 95 peratus tetapi mereka tidak menyedarinya kerana masih boleh bernafas seperti biasa.

"Bagi mereka (pesakit) kategori satu dan dua yang menjalani kuarantin di rumah, mereka tidak perlu rawatan khusus tetapi perlu lakukan swapantau bagi mengesan sebarang gejala dan sekiranya gejala yang dialami agak teruk, mereka perlu segera hubungi Pusat Penilaian Covid-19:

"Jadi dalam proses pemantauan ini, dapatkan *pulse oximeter* untuk melihat kepekatan oksigen dalam darah sebab apabila seseorang itu dijangkiti Covid-19 ia akan mengganggu sistem pernafasan," katanya pada Rabu.

Dr Nurul Azmawati berkata, pemantauan kadar oksigen dalam darah boleh dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali sehari dan sekiranya didapati kadar oksigen berkurangan di bawah 95 peratus, mereka perlu ke hospital untuk rawatan.

"Selain pantau kadar oksigen, mereka yang jalani kuarantin di rumah juga perlu mengambil air secukupnya dan tiada ubat-ubatan diperlukan kecuali kalau demam, bolehlah mereka makan panadol, mereka boleh

pulih sendiri cuma perlukan masa," katanya.

Dr Nurul Azmawati turut meminta orang ramai memahami bahawa vaksin tidak menyebabkan kita kebal tetapi mempersiapkan badan kita dengan merangsang penghasilan antibodi. - *Bernama*



DR NURUL AZMAWATI

FOTO: BERNAMA



Pesakit kategori satu dan dua yang menjalani kuarantin di rumah tidak perlu rawatan khusus tetapi perlu dipantau bagi mengesan sebarang gejala. Skiranya agak teruk, mereka perlu segera hubungi Pusat Penilaian Covid-19.